

ISSN : 1985 - 1022  
BIL.1 / 2019

# BULETIN POLITEKNIK MELAKA

*Edisi Januari - Jun*  
**2019**

POLITEKNIK MELAKA



## **VISI**

Menjadi institusi TVET premier yang diterajui industri.

## **MISI**

1. Melaksanakan program TVET yang berkualiti dan diiktiraf.
2. Melaksanakan kurikulum yang dipimpin industri dan meningkatkan kesediaan graduan seiring dengan keperluan industri.
3. Menghasilkan graduan yang seimbang dan berdaya keusahawanan melalui program pengajian yang dinamik dan mampan.
4. Mendapat peingktirafan antarabangsa melalui kerjasama dan penyertaan aktif dalam komuniti TVET.

## DASAR KUALITI

Politeknik komited dalam memastikan jaminan kualiti akademik dilaksanakan bagi mengekal dan mempertingkatkan kualiti program pengajian yang ditawarkan secara berterusan.

## OBJEKTIF KUALITI PMK

1. Menerbitkan sekurang-kurangnya enam (6) hasil penyelidikan peringkat kebangsaan dan satu (1) hasil penyelidikan peringkat antarabangsa dalam setahun.
2. Menyertai sekurang-kurangnya dua (2) pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan satu (1) pertandingan inovasi peringkat antarabangsa dalam setahun.
3. Mencapai sekurang-kurangnya 30 % pelajar lulus penuh dengan HPNM 3.0 dan ke atas.
4. Menganjurkan sekurang-kurangnya lima puluh (50) program kemahiran Insaniah dalam setahun.
5. Mengeluarkan jadual perkuliahan selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum perkuliahan bermula.
6. Memastikan prestasi perbelanjaan peruntukan 'Dasar Sedia Ada' mencapai 99% di akhir tahun.

Perutusan  
**Pengarah**

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa  
Pintar, Hijau, Bersih.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, saya diberikan peluang untuk merakamkan kata alu-aluan dalam Sidang Redaksi Buletin Politeknik Melaka (PMK).

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Politeknik Melaka atas kejayaan menerbitkan Buletin Politeknik Melaka julung kalinya bagi tahun ini. Bagi pihak pengurusan Politeknik Melaka, segala usaha dan sumbangan dalam penerbitan buletin ini amatlah dihargai dan disanjungi tinggi. Penerbitan ses sebuah buletin bukanlah suatu usaha yang mudah malah mengambil masa yang panjang melalui kesungguhan yang mendalam serta memerlukan pelbagai aspek kemahiran.

Buletin Politeknik Melaka merupakan satu dokumentasi penting yang memaparkan segala aktiviti serta pencapaian yang telah dicapai oleh warga Politeknik Melaka. Bagi warga PMK butiran dan gambar yang dimuatkan bakal menjadi kenangan indah. Walaupun kita berada di zaman teknologi yang semakin canggih dan segala maklumat mudah didapati dihujung jari, namun buletin PMK tetap kekal relevan dan menjadi dokumen rasmi dalam merekodkan segala pengalaman serta pencapaian warga PMK untuk dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa sidang redaksi buletin Politeknik Melaka. Saya mengharapkan segala pengalaman, kesungguhan dan semangat kerjasama yang telah lama terbina di PMK ini bukan sahaja terpahat di dalam buletin ini malah ianya akan terus subur dan menjadi pemangkin kepada kejayaan PMK yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

*Kecil-Kecil Si Cili Padi  
Walaupun Kecil Pedas Sekali  
Politeknik Melaka Dekat Di Hati  
Cabaran Menanti Sedia Diharungi*

CHARIM BIN IBRAHIM @ BERAHIM D.P.T.  
Pengarah Politeknik Melaka



Tinta  
**Ketua Editor**

---

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

Bersyukur kita ke hadarat Illahi kerana dengan berkat dan rahmat yang dikurniakan, maka JK Media dan Penerbitan PMK dapat meralasasikan hasrat Tuan Pengarah, En Charim Bin Ibrahim @ Berahim bagi menyelaraskan Buletin Dwitahunan PMK Bil 1/2019 ini.

JK Media dan Penerbitan PMK mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua AJK yang terdiri daripada JK Induk, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan AJK Portal Laman Web PMK yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung merintis, mengumpul dan mengolah setiap maklumat yang diperolehi dalam pembangunan Buletin Dwitahunan PMK Bil 1/2019 ini hingga dapat diterbitkan.

Alah Bisa Tegal Biasa; kata bidalan yang sesuai menggambarkan komitmen semua pihak yang terlibat merancang pembangunan serta mengumpul dan mengolah info daripada semua pelaksana aktiviti. Kalau Tak Dipecahkan Ruyung Manakan Bisa Kita Mendapat Sagunya; menggambarkan betapa bersyukurnya kita ketika dapat menelaah wadah yang telah menyerlahkan komitmen warga jabatan dan unit masing-masing.

Bulat Air Kerana Pembetung, Bulat Manusia  
Kerana Muafakat; menggambarkan komitmen berpasukan antara staf dan pelajar yang telah digembleng menjayakan setiap aktiviti/program di PMK.

Akhirkata, saya mewakili semua AJK Media & Penerbitan PMK melahirkan setnggi-tinggi penghargaan terhadap kerjasama padu yang ditunjukkan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan Buletin Dwitahunan PMK pada kali ini.

Sekian.

Terima kasih.





PEN  
CHARIM BIN IB  
PP

SETIAUSAHA PEJABAT  
FATIMAH ARAFFAH BINTI AMAN  
N22



TIMBALA  
MOHD ARIFIN  
PP

KETUA  
JABATAN KEJURUTERAAN  
AWAM  
MOHD. DIN BIN MD NOR @ ABD. LATIF  
PPPT DH48

KETUA  
JABATAN KEJURUTERAAN  
ELEKTRIK  
ZAHIDI BIN ZAMZURI  
PPPT DH48

KETUA  
JABATAN KEJURUTERAAN  
MEKANIKAL  
MOHD AZAMRI BIN KANDARI  
PPPT DH48

KETUA  
JABATAN PERDAGANGAN  
ATI ARINI BINTI SALIM  
PPPT DH48

KETUA JABATAN  
MATEMATIK, SAINS  
& KOMPUTER  
ANIDAH BINTI BUANG  
PPPT DH48

KETUA  
JABATAN PENGAJIAN AM  
DR. GAN LAI KUEN  
PPPT DH48

KETUA  
UNIT PEMBANGUNAN  
INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA  
HISHAMUDDIN SHAH BIN IBRAHIM  
PPPT DH48

KETUA UNIT  
PENGANTARABANGSAAN  
MARINA BINTI ABU BAKAR  
PPPT DH52

KETUA  
UNIT JAMINAN KUALITI  
ZAIHAN BINTI HARON  
PPPT DH48

KETUA  
UNIT PENYELIDIKAN,  
INOVASI & KOMERSIALAN  
DR. ROSNANI BINTI AFFANDI  
PPPT DH48

KETUA CISEC  
LIM CHEE HAI  
PPPT DH48

KETUA  
UNIT PEPERIKSAAN  
NURHIDAYAH BINTI AZMI  
PPPT DH41

KETUA  
KEUSIA  
MOHD DOLL  
P

PE  
JAWA  
PO  
AHMAD NASHA  
pp

KETUA  
KOK  
& KE  
ABD. HA  
F

KETUA  
PEMER  
SEN  
NURUL G  
F

**IGARAH**

**BRAHIM @ BERAHIM  
PT DH54**

**PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM  
NURUL- FATEHA BINTI MD. SANDOLLAH  
S41**

**AN PENGARAH  
IFFIN BIN AMAN  
PT DH48**

**KETUA UNIT  
SAHAWANAN  
DZ FARIZZAL BIN  
AH MUHAMAD  
PPPT DH48**

**INGERUSI  
TANKUASA  
LYGREEN  
RUDINN BIN A. RASHID  
PT DH48**

**KETUA UNIT  
SUJAN, KURIKULUM  
& BUDAYAAN  
ALIM BIN MAHAT  
PPPT DH44**

**KETUA UNIT  
BANGUNAN &  
NGGARAAN  
AMAR BIN HAZNI  
PPPT DH44**

**KETUA JABATAN  
HAL EHWAH &  
PEMBANGUNAN PELAJAR  
HAZIRA BINTI SALEH  
PPPT DH48**

**KETUA  
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT  
HAIDAR NUR RIFAHAN  
BINTI BASIR  
F44**

**KETUA UNIT  
PERPUSTAKAAN  
HADI MOHD  
NASARUDIN BIN ALI  
S44**

**KETUA  
UNIT LATIHAN &  
PENDIDIKAN LANJUTAN  
MOHD NAZIM BIN ZAKARIA  
PPPT DH41**

**PENOLONG PEGAWAI  
TADBIR KANAN  
HANIM BINTI ESA  
N32**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**POLITEKNIK  
MALAYSIA  
MELAKA**

# **CARTA ORGANISASI POLITEKNIK MELAKA**

**Berkuatkuasa pada : 2 Januari 2019**

## KENALI PENERAJU BAHRU POLITEKNIK MELAKA

"Sebagai pengemudi baharu yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui PMK, Insya Allah saya akan memastikan semua perancangan yang telah dirancang dapat berjalan dengan lancar dan jayanya sama ada dari aspek matlamat dan strategi khususnya pengurusan dan kolaborasi sama ada di dalam mahupun di luar negara. Harapan dan hasrat saya ingin membawa seluruh warga PMK untuk menjadikan PMK sebagai ikon peneraju TVET unggul yang disegani di persada Negeri Melaka. Dari semasa ke semasa, proses penambahbaikan akan terus dilaksanakan untuk memastikan hasrat ini dapat dicapai. PMK kini sedang giat mempromosikan peranannya sebagai sebuah institusi peneraju TVET yang cemerlang, gemilang, terbilang serta terus menjadi institusi pilihan utama. Insya Allah dengan izinNYA, segala perancangan yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya".

# Biodata

## Pengarah Politeknik Melaka

Penasihat : EN. CHARIM BIN IBRAHIM @ BERAHIM (Pengarah)

Tarikh Lahir : 1 OGOS 1960

Tempat Lahir : MELAKA

Umur : 59 TAHUN

Skim Perkhidmatan : PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI

Taraf Perkhidmatan : DALAM PERKHIDMATAN

Gelaran Jawatan : PENGARAH DH54

Tarikh Mula Khidmat : 1 OGOS 1987

Tarikh Naik Gred Semasa : 16 FEBRUARI 2017

Tahun Berkhidmat Tempat Semasa : 1 TAHUN

## MAKLUMAT KENAIKAN PANGKAT

SKIM PERKHIDMATAN	JAWATAN	TARIKH KENAIKAN	JENIS KENAIKAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH	PENSYARAH DG 44	01/01/2004	KHAS UTK PENYANDANG (KUP)
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH	KETUA KURSUS DH 44 (MEMANGKU)	01/03/2007	HAKIKI
PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)	16/12/2011	HAKIKI
PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	PENGARAH DH54	02/01/2019	HAKIKI
PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	PENSYARAH DH 54	16/02/2017	HAKIKI
PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	PENSYARAH DH54	16/02/2016	MEMANGKU

## MAKLUMAT SEJARAH PERKHIDMATAN

TARIKH MULA	TARIKH AKHIR	SKIM JAWATAN	GRED DAN NAMA JAWATAN	INSTITUSI	CATATAN
02/01/2019	-	PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	PENGARAH / PENGARAH DH54	POLITEKNIK MELAKA	KENAIKAN PANGKAT
01/09/2018	01/01/2019	PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	PENSYARAH DH54 / PENSYARAH DH54	POLITEKNIK MELAKA	BERTUKAR MASUK DARI POLITEKNIK KOTA KINABALU
16/02/2017	31/08/2018	PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	PENSYARAH DH54 / -	POLITEKNIK KOTA KINABALU	PPPT DH54
16/02/2016	15/02/2017	PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	PENSYARAH DH54 (MEMANGKU) /	POLITEKNIK KOTA KINABALU	PENSYARAH DH54 (MEMANGKU)
16/12/2011	15/02/2016	PPPT DH52	TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK) /	POLITEKNIK PORT DICKSON	NAIK PANGKAT PPPT DH52 KE PPPT DH52 DAN DITEMPATKAN SEBAGAI TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK) DI POLITEKNIK PORT DICKSON
04/05/2009	-	PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	TIMBALAN PENGARAH (SOKONGAN AKADEMIK) /	POLITEKNIK KOTA KINABALU	DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN PENGARAH (SOKONGAN AKADEMIK) GRED DH48 DI POLITEKNIK PORT DICKSON
04/05/2009	-	PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	PPPT DH48 /	POLITEKNIK PORT DICKSON	NAIK PANGKAT PPPT DH48 KE PPPT DH48
01/01/2008	-	PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI	KETUA KURSUS /	POLITEKNIK KOTA KINABALU	PPPT DH44
01/03/2007	-	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH	KETUA KURSUS DH44 (MEMANGKU) /	POLITEKNIK KOTA KINABALU	KETUA KURSUS DG44 (HAKIKI)
01/01/2004	-	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH	PENSYARAH DG44 (KUP) /	POLITEKNIK KOTA KINABALU	PPPS DG44 (KUP)
16/08/2001	-	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH	KETUA JABATAN /	POLITEKNIK KOTA KINABALU	KETUA JABATAN PERDAGANGAN
01/02/1999	-	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH	PEGAWAI PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI /	POLITEKNIK KOTA KINABALU	PPPL DG41
01/08/1997	-	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH	PENSYARAH DG41 /	POLITEKNIK KOTA KINABALU	PPPS DG41
05/06/1990	-	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH	PENSYARAH DG41 /	POLITEKNIK PORT DICKSON	PPPS DG41
01/06/1988	-	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH	PENSYARAH DG41 /	POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH	PPPS DG41
01/06/1987	-	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH	PENSYARAH DG41 /	POLITEKNIK BATU PAHAT	POLITEKNIK BATU PAHAT
03/05/1987	-	GURU SANDARAN TERLATIH SISWAZAH	PENSYARAH DC41 /	POLITEKNIK BATU PAHAT	POLITEKNIK BATU PAHAT

## MAKLUMAT KURSUS / SEMINAR / TAKLIMAT /BENGKEL (Tiga Tahun Dari Tahun Semasa)

KURSUS	LOKASI	JENIS	DIBIAYAI	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT	TEMPOH (HARI)
PERHIMPUNAN BULANAN SEPTEMBER 2017	DEWAN KULIAH UTAMA PKK	PERHIMPUNA N	POLITEKNIK KOTA KINABALU	29/09/2017	29/09/2017	0
BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN DAN TAKLIMAT VALIDASI PANEL PENILAIAN KESEPAKARAN BAGI URUSAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PPPT KE GRED DH48 TAHUN 2016	HOTEL RHR, BANGI SELANGOR	BENGKEL	JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK	04/07/2017	06/07/2017	3
PERHIMPUNAN BULANAN STAF PMK-SEPTEMBER 2018	DEWAN SERBAGUNA, PMK	PERHIMPUNA N	PMK	28/09/2018	28/09/2018	0
INTRODUCTION BUILDING INFORMATION MODELLING (BIM)	STMIK BUDI DARMA, MEDAN INDONESIA	KURSUS	KONSORSIUM MANUSA-SEA MAHKARYA NUSANTARA SERUMPUN ASIA	26/04/2017	26/04/2017	1
PROGRAM JERAYAWARA PEMBELAJARAN DIGITAL ZON BORNEO	DEWAN KULIAH UTAMA	KURSUS	POLITEKNIK KOTA KINABALU	29/03/2017	30/03/2017	2
BENGKEL PENYEDIAAN DATA MYTVET INSTRUMENT	BILIK SEMINAR UPLPK	BENGKEL	POLITEKNIK KOTA KINABALU	29/01/2018	30/01/2018	2
AMANAT KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) TAHUN 2019	POLITEKNIK PORT DICKSON	PERHIMPUNA N	PMK	24/01/2019	24/01/2019	0
BENGKEL BLUE OCEAN LEADERSHIP ZON SELATAN	POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA	BENGKEL	JPPKK	22/07/2019	23/07/2019	2
JP TEAM BUILDING & COMMUNITY OUTREACH : ONE TEAM, ONE SPIRIT, ONE GOAL	JABATAN PERDAGANGAN, PKK	KURSUS	POLITEKNIK KOTA KINABALU	03/03/2018	04/03/2018	2
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN DISEMBER 2017 (MAJLIS APRESIASI PKK UNGGUL 2017)	DEWAN RAFFLESIA, PKK	PERHIMPUNA N	POLITEKNIK KOTA KINABALU	15/12/2017	15/12/2017	0
PERHIMPUNAN BULANAN	DEWAN KULIAH UTAMA PKK	PERHIMPUNA N	POLITEKNIK KOTA KINABALU	19/04/2018	19/04/2018	0
PROGRAM BICARA EKSEKUTIF-HUBUNGAN POLITIK DAN PEGAWAI KERAJEAHAN	AUDITORIUM SERI NEGERI, AYER KEROH, MELAKA	FORUM	PMK	20/03/2019	20/03/2019	0
BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN DAN TAKLIMAT VALIDASI PANEL PENILAIAN KESEPAKARAN BAGI URUSAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PPPT	JABATAN PEGUAM NEGARA, PUTRAJAYA	BENGKEL	JPPKK	19/06/2019	19/06/2019	1
BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN DAN TAKLIMAT VALIDASI PANEL PENILAIAN KESEPAKARAN BAGI URUSAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PPPT KE GRED DH44 DAN DH48	JABATAN PEGUAM NEGARA	BENGKEL	BAHAGIAN KOMunikasi ENSI DAN PENINGKATAN KERJAYA	20/02/2019	21/02/2019	2
BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN DAN TAKLIMAT VALIDASI PANEL PENILAIAN KESEPAKARAN BAGI URUSAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PPPT	BILIK SERBAGUNA JPP, PUTRAJAYA	BENGKEL	JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK	25/04/2017	26/04/2017	2
PROGRAM JERAYAWARA PEMBELAJARAN DIGITAL PERINGKAT ZON BORNEO	BILIK AUDITORIUM, UPL	KURSUS	POLITEKNIK KOTA KINABALU	28/03/2017	28/03/2017	1
BENGKEL PENYELARASAN PROSES VALIDASI DAN TEMUDUGA PANEL PENILAIAN KESEPAKARAN BAGI URUSAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PPPT KE GRED 48 TAHUN 2016	KINRARA RESORT, PUCHONG	BENGKEL	JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK	25/07/2017	28/07/2017	4
BENGKEL PEGAWAI PENGANTARABANGSAAN POLITEKNIK MALAYSIA BAGI TAHUN 2017	HOTEL AMAN SARI RESIDENCE RESORT, JOHOR	BENGKEL	JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK	25/09/2017	27/09/2017	3

**LAWATAN KUNJUNG HORMAT & KOLABORASI  
STRATEGIK KE AGENSI/ JABATAN DAN RAKAN  
INDUSTRI OLEH PENGARAH PMK**

<b>Bil</b>	<b>Jabatan / Agensi</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Peluang Kerjasama / Kolaborasi</b>
1	Lapor diri di pejabat KP, JPPKK sebagai Pengarah baharu di PMK	02.01.2019	
2	Lawatan Kolaborasi Strategik ke Balai Polis Malim	07.01.2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Penggunaan Padang Kawat</li> <li>-Penggunaan gelanggang sukan</li> <li>-Pertandingan Persahabatan (Bola jarring dan Futsal)</li> <li>-Rondaan berkala kereta peronda sekitar PMK</li> </ul>
3	Lawatan Kolaborasi Strategik ke Perkampungan Orang Asli bersama Mantan Tok Naning berjumpa Tok Batin Bukit Payung	08.01.2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Kursus PSH Belia Orang Asli</li> <li>-Perhubungan dengan JAKOA</li> <li>-Aktiviti Sukarelawan Pelajar melalui JHEPP</li> </ul>
4	Lawatan Kunjung Hormat ke Pejabat SUK berjumpa Ketua Menteri	16.01.2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Serah kunci rumah Bencana serkam</li> <li>-Oembentangan Rumah PPRT (Rumah Peduli) dan perlu dipanjangkan ke JKR</li> <li>-Serah kunci rumah bencana Bukit Duyong</li> <li>-Rekod Kewangan Masjid melalui MAIM</li> <li>-Penyelenggaraan Air-cond Masjid sekitar Negeri Melaka</li> </ul>
5	Lawatan Kolaborasi Strategik ke Pejabat Pengarah Yayasan Melaka, Bukit Katil	19.01.2019	PMK dicadangkan menyediakan sewaan kampus baru di Bangunan Yayasan Melaka
6	Lawatan Kolaborasi Strategik ke Jabatan Penerangan Negeri Melaka	21.01.2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Pinjaman peralatan teknikal oleh pihak UPIM PMK</li> <li>-MC jemputan dari Jabatan Penerangan</li> </ul>
7	Terima Kunjungan Kolaborasi dari Rakan Industri IBS, Syarikat Sanc Group	21.01.2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Kebolehpasaran pelajar PMK</li> <li>-Peluang pekerjaan alumni PMK</li> <li>-Peluang latihan industri pelajar di tapak sebenar projek</li> </ul>
8	Lawatan Kunjung Hormat ke pejabat Ahli Exco Pendidikan, Modal Insan, Sains dan Teknologi	31.01.2019	-Kerjasama lebih rapat pada masa hadapan
9	Lawatan Kunjung Hormat ke Pejabat Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri	01.02.2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Komersilan Produk What Say You melalui UPIK</li> <li>-Kerjasama rapat dengan sekolah angkat</li> <li>-Program sukarelawan pelajar</li> <li>-Taklimat ambilan pelajar oleh JHEPP</li> </ul>
10	Lawatan Kolaborasi ke pejabat Pengetua, Sekolah Menengah Teknik, Bukit Platu Melaka	01.02.2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Tapak sewaan bas PMK</li> <li>-Taklimat ambilan pelajar oleh JHEPP</li> <li>-Kolaborasi antarabangsa bersama ke Korea dan Indonesia</li> </ul>

Bil	Jabatan / Agensi	Tarikh	Peluang Kerjasama / Kolaborasi
11	Lawatan Kolaborasi Strategik ke Pejabat Pengurus, Malaysia International Airport	04.02.2019	- Tapak sewaan bas
12	Lawatan ke Tapak Rumah Bencana di Serkam dan Rumah Harapan serta Bukit Duyong	04.02.2019	- Hubungan rapat dengan pihak Kerajaan Negeri melalui TVET
13	Kunjung Kolaborasi Strategik ke Pejabat Setia Usaha MAIM	08.02.2019	- Kursus PSH kepada asnaf - Penggunaan rekod kewangan Masjid kepada AJK Masjid yang baru dilantik - Cadangan Taman Tema Temadun Islam - Peruntukan bantuan makanan kepada pelajar PMK - Data pelajar asnaf anak Negeri Melaka
14	Lawatan Kerja Ke JKKP	12.02.2019	- Persediaan PMK terhadap audit JKKP - Mendapat khidmat nasihat teknikal tentang keselamatan daripada JKKP - Taklimat IBS kepada Staf JKKP
15	Lawatan Kunjung Hormat Ke Pejabat Ahli Exco Perumahan dan Kajian Tempatan, YB Tay	18.02.2019	- Pelantikan YB Tay sebagai Pengerusi JK Penasihat PMK - Cadangan binaan rumah Peduli oleh pelajar PMK - Bantuan dan sokongan fasiliti PMK
16	Kunjung Hormat dan lawatan kerja ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka	11.03.2019	- Kursus Keselamatan Penjawat Awam. - Fire Drill
17	Perjumpaan dengan Suruhanjaya Koperasi Melaka	25.03.2019	- Memperkasa Pengurusan Koperasi PMK
18	Lawatan Kunjung Hormat ke Pejabat Datuk bandar Melaka, bangunan MBMB	02.04.2019	- Pengurangan kos sewaan tapak parkir di Dataran PMK - Memohon MBMB menyediakan kontrak sewaan - Memasukan sekali lot parker staf PMK dan kontrak sewaan Dataran PMK - Kolaborasi strategik antara UPIK dengan Bahagian Inovasi MBMB - Kolaborasi ULPL untuk Kursus PSH staf MBMB
19	Terima Lawatan daripada CEO GP IBS, Pn. Mazidah	11.04.2019	- KK Sewaan kampus Baru PMK
20	Terima lawatan kerja Bahagian Pembangunan JPPKK (Dr Naim dan En. Romzi)	22.04.2019	- Kajian semula pinjaman peralatan GP IBS kepada PMK
21	Kunjung Hormat ke Konsulat Republik Indonesia, Johor Bahru	30.04.2019	- Lawatan Pengantarabangsaan



# Koleksi Gambar

Sekitar Lawatan Kunjung Hormat  
& Kolaborasi Strategik

# PROGRAM CSR JELAJAH RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) KERAJAAN NEGERI MELAKA

23 Januari 2019 - Program CSR Jelajah Akrab adalah anjuran Akrab Kerajaan Negeri Melaka dan telah dimasukkan dalam takwim bulan Januari 2019.. Berjaya dilaksanakan pada 23 Januari 2019 bermula 8 pagi hingga 5 petang. Lokasi yang dipilih adalah Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) dan peserta yang diundang adalah di kalangan staf PERPUSTAM dan PERZIM (Muzium Melaka).

Fasilitator yang terlibat dalam kumpulan 2 adalah PUAN HANIM BINTI ESA dari Politeknik Melaka dan EN.ISWANDI BIN ISMAIL dari JKR Melaka. Objektif utama program ini adalah pengisian modul bimbining

kelompok iaitu membantu rakan sekerja yang memerlukan bantuan dalam menghadapi permasalahan dalam perkerjaan dan kehidupan harian. Melibatkan 5 orang peserta iaitu 2 daripada PERZIM manakala bakinya adalah daripada kakitangan PERPUSTAM.

Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam kumpulan adalah sesi pengenalan diri antara fasilitator dan peserta iaitu ice breaking. Peserta juga digalakkan menceritakan pengalaman manis dan pahit dalam kehidupan serta pilihan peserta untuk mengurangkan stres.



Kesimpulannya, semua peserta memahami masalah yang dihadapi di tempat kerja atau di luar tempat kerja dapat diselesaikan melalui perbincangan secara bimbining kelompok dan individu. Semua peserta dapat berkongsi pendapat dan bersyukur program ini dapat mengurangkan stres dan sentiasa mencari penawar untuk menghilangkan stres melalui aktiviti seperti melancong,



## PERJUMPAAN PENGARAH BERSAMA STAF SOKONGAN POLITEKNIK MELAKA

28 Januari 2019 (Isnin) – Satu perjumpaan Pengarah bersama staf sokongan Politeknik Melaka telah diadakan pada 28 Januari 2019 di dewa serbaguna, Politeknik Melaka. Perjumpaan ini diadakan bagi megalukan kedatangan Pengarah Politeknik Melaka iaitu En Charim Bin Ibrahim @ Berahim D.P.T yang telah dilantik sebagai Pengarah Politeknik Melaka pada 2 Januari 2019.

Objektif utama perjumpaan ini adalah untuk membincangkan berkenaan permasalahan yang timbul di kalangan staf sokongan di Politeknik Melaka. Antara masalah yang dibincangkan adalah pertukaran dalaman staf sokongan yang telah lama berkhidmat di unit-unit. Selain itu juga, Pengarah mengingatkan staf sokongan supaya sentiasa mengamalkan sikap bekerja cara berpasukan dan bekerjasama untuk mewujudkan suasana harmoni dan keseronokkan bekerja dalam melakukan tugas harian.

Perjumpaan ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari kalangan staf sokongan. Diharapkan dengan adanya perjumpaan ini, dapat merapatkan lagi silaturrahim antara staf sokongan dan sentiasa berfikiran positif berdedikasi dan bertanggungjawab dalam menjalankan amanah yang diberikan semasa melakukan tugas sehari-hari.





## LAWATAN KE KEDIAMAN PELAJAR

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) berkerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (JHEPP), menjalankan Program lawatan ke rumah pelajar-pelajar Politeknik yang menetap di luar bermula pada jam 5.30 petang hingga 7.00 petang bertempat di Taman Balai panjang Indah dan rumah sekitar Politeknik Melaka. Antara yang terlibat dalam lawatan ini ialah YDP Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Melaka iaitu saudara Karma Hakim bin Luk'man dan juga Exco Kebajikan & Sosial Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Melaka.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mengenalpasti masalah-masalah pelajar yang tinggal di luar serta dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara satu sama lain. Selain itu, program ini juga dapat membantu pelajar dalam aspek kebajikan kerana kebanyakan pelajar tidak terdedah dengan maklumat-maklumat atau informasi yang sepatutnya mereka tahu. Selain itu, pelajar juga dinasihatkan agar tidak terjebak dalam gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, alkohol, seks bebas, merempit, vandalisme dan sebagainya. Risalah kebajikan pelajar beserta no telefon Exco juga diedarkan kepada pelajar-pelajar untuk kemudahan hubungan melalui aplikasi Bar Code dan internet.Code dan internet.

Sebelum para MPP beredar, Exco MPP juga turut memberi sumbangan berupa barang-barang keperluan harian. Semoga sumbangan ini dapat dimanfaatkan dan mengeratkan lagi hubungan antara MPP, JHEPP dan pelajar-pelajar yang menginap di luar PMK. Program ini juga akan dilaksanakan di kediaman rumah pelajar luar pada waktulain sepanjang semester ini.

## CESAC Politeknik Melaka Cakna pendidikan Khas SMK Malim

30 Januari 2019, Melaka. Civil Engineering Students' Affairs Club (CESAC), Jabatan kejuruteraan Awam Politeknik Melaka telah berjaya melaksanakan program Pengindahan Infrastruktur Pendidikan Khas @SMK Malim 2019 pada 16 dan 23 Januari 2019. Program ini telah berjaya membantu warga Pendidikan Khas Sekolah Menengah kebangsaan Malim dari aspek kemahiran menaiktaraf infrastruktur sedia ada. Skop program melibatkan kerja mengelacat semula laluan khas Orang Kelainan Upaya (OKU), menghasilkan kotak parkir kerusi roda, kotak parkir kendaraan, melukis mural dan mengelacat dinding secara kreatif. Kejayaan program ini melibatkan 55 sukarelawan dari Civil Engineering Students' Affairs Club (CESAC) dan Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) semester 1 Politeknik Melaka. Pelbagai elemen kemahiran insaniah berjaya dibentuk pada semua sukarelawan yang terlibat, apabila semua sukarelawan berpeluang untuk membantu golongan istimewa ini. Pendedahan secara langsung berkaitan dengan kewujudan golongan OKU di Sekolah Menengah Kebangsaan Malim Melaka pastinya akan menjadi ingatan selamanya. Melalui program sedemikian semua sukarelawan yang terlibat berpuas hati dengan semua kerja yang dijalankan demi untuk membantu kelangsungan aktiviti harian warga Pendidikan Khas Sekolah Menengah kebangsaan Malim, Melaka.





## Program Serikandi Sejati, Teguh Jati Diri

Program Serikandi Sejati, Teguh Jati Diri telah diadakan pada 18 Januari 2019 bertempat di Business Supporting Room (BSR) PMK. Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar siswi tentang menjaga akhlak dan batasan pergaulan sehari-hari dengan kaum berlainan jenis, mengingatkan mereka tentang bentuk-bentuk gangguan seksual yang berlaku dan tindakan sepatutnya yang boleh diambil apabila berlakunya gangguan seksual. Program sebegini mempunyai impak yang tinggi kepada pelajar iaitu mereka didedahkan dengan bahayanya hubungan berpasangan (*couple*) di usia remaja ini yang boleh membawa kepada maksaian yang lebih jauh, mereka diberi peringatan tentang penyakit-penyakit hubungan kelamin yang mana kebanyakan remaja masa kini hanya memikirkan keseronokan berbanding akibat akan datang, penceramah yang bersesuaian dengan latar belakang adalah orang yang tepat untuk mengingatkan para pelajar sekali gus dapat meyakinkan pelajar berikutnya setiap peringatan yang diberi dan juga maklumat gangguan seksual yang disampaikan sedikit sebanyak dapat membuka mata pelajar yang menganggap hal demikian adalah kebiasaan amalan mereka.





Program ini telah dirasmikan oleh En Mohd Ariffin bin Aman Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) sebagai wakil Pengarah PMK.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang hari tersebut adalah aktiviti mengemas, membersih, mengecat, menyusun atur peralatan di bilik kuliah dan menceriakan persekitaran PMK. Kerja-kerja pembersihan longkang juga turut dijalankan oleh Syarikat SWCorp.

Secara keseluruhannya, Polycare 6.0 telah memberi impak yang baik bagi memastikan persekitaran PMK bersih, ceria, kondusif dan selamat.

## Polycare 6.0

POLITEKNIK MELAKA, 20 Februari 2019

– Jawatankuasa EKSA dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan aktiviti Polycare 6.0 di persekitaran Politeknik Melaka. Program Polycare 6.0 ini merupakan kesinambungan daripada Polycare terdahulu.

Program ini diadakan bertujuan bagi memastikan amalan EKSA diteruskan dan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kepentingan amalan hidup sihat di persekitaran yang bersih dan selamat. Di samping itu, program ini dapat meningkatkan semangat gotong-royong dan kerjasama disamping menggalakkan kreativiti dikalangan warga PMK.

Program ini telah melibatkan semua staf, pelajar semester 2 dan MPP.





13 MAC 2019, POLITEKNIK MELAKA - Kursus ini merupakan anjuran bersama Jawaatankuasa Keselamatan OSH PMK dan Jawatankuasa Quick Response Team (QRT) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat dari Balai Bomba, Jalan Kubu, Melaka. Kursus ini diadakan bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta tentang aspek keselamatan kebakaran dalam bangunan terutama di tempat kerja, kemahiran dalam menggunakan peralatan memadam kebakaran dan sistem terhadap kebakaran dalam bangunan.

Slot pagi - Kursus Asas Keselamatan Kebakaran bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari yang telah disampaikan oleh penceramah dari Balai Bomba dan Penyelamat iaitu En. Sofian bin Hassan. Peserta-peserta yang terlibat adalah dikalangan ahli jawatankuasa OSH dan QRT, pelajar dan kakitangan PMK.

Slot tengahari - Setelah sesi kursus selesai peserta-peserta terlibat dengan latihan amali memadam kebakaran menggunakan peralatan memadam kebakaran. Para pelajar dan kakitangan diberi peluang untuk mengambil bahagian memadamkan kebakaran dan seterusnya dapat memberikan pengetahuan dalam menangani situasi sekiranya berlaku sesuatu kebakaran di tempat kerja maupun di dalam bangunan.

Slot Petang - Fire Drill telah dilaksanakan melibat penggunaan jentera dan pasukan Bomba dan Penyelamat. Pelbagai aktiviti dilaksanakan antaranya mengumpulkan kakitangan dan pelajar di kawasan Check Point yang telah ditetapkan, aktiviti menyelamat mangsa kebakaran dan penggunaan membawa dan mengulung hos di bangunan yang turut disertai ahli jawatankuasa QRT. Latihan tersebut bertujuan adalah untuk memberikan pengetahuan serta kemahiran mengenai kakitangan PMK.

garis panduan dan tatacara melepaskan diri apabila berlaku kebakaran.

Majlis penutupan dan sesi penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh En. Charim bin Ibrahim@Beraim, Pengarah Politeknik Melaka. Program ini berakhir dengan jayanya pada jam 4.30 petang.

## KURSUS ASAS KESELAMATAN KEBAKARAN DAN FIRE DRILL POLITEKNIK MELAKA



# 'THE AMAZING RACE' ALUMNI POLITEKNIK MALAYSIA 2019



**Tarikh Program diadakan :**  
2 Mac 2019

**Lokasi program :**  
Sekitar Bandar Hilir dan Kampung Morten

**Objektif Program :**

- Menggerakkan silaturrahim antara Persatuan Alumni seluruh Malaysia.
- Berkongsi pendapat dan cadangan mengenai aktiviti persatuan yang pernah di jalankan di negeri masing – masing.
- Memperkenalkan Persatuan Alumni Politeknik Melaka kepada Persatuan Alumni Politeknik Malaysia.

**Impak program kepada alumni:**

- Meluaskan hubungan yang terjalin antara Persatuan Alumni Politeknik Malaysia.
- Memperluaskan dan mempelbagaikan aktiviti Persatuan Alumni Politeknik Malaysia.
- Pendedahan tapak sejarah dan kesenian negeri Melaka dikalangan alumni.



## **PERTANDINGAN PROJEK AKHIR (13Ce Siri 1 2019)**

26 MAC 2019 – Program Kerjaya merupakan satu program yang diadakan khas untuk pelajar di Politeknik Melaka dan juga graduan dari Politeknik Melaka dan IPT serta orang awam untuk menyertainya. Ia merupakan salah satu program yang diadakan sempena I3Ce siri I 2019 yang diadakan iaitu berkaitan kerjaya pelajar.

Sesi taklimat, temuduga dan juga pameran kerjaya diadakan sepanjang program. Taklimat dan pameran Kerjaya berfokus kepada pelajar yang bermingat untuk menyambung pengajian setelah tamat belajar nanti. Ia bertujuan untuk membuka minda pelajar seawal mungkin bagi menanamkan minat dan maklumat IPT dan agensi pekerjaan.

Sesi temuduga pula diadakan adalah untuk membantu graduan mendapatkan pekerjaan dengan mencari agensi yang benar-benar mencari pekerja untuk mengisi kekosongan mereka.

Sesi taklimat dan pameran kerjaya telah diisi oleh 7 agensi iaitu MSU, ODREM Sdn. Bhd, Sanc Group, CTRM, UTM Razak, UMP dan UNIKL manakala 3 syarikat yang bermingat untuk menemuduga graduan iaitu





## Yasin Hour

Tarikh program diadakan:  
4 April 2019

Lokasi program:  
Surau Ar-Raudhah, Politeknik Melaka

**Objektif program:**

- Mendekatkan warga politeknik kepada budaya membaca al-Quran
- Menyambut sambutan 25 tahun politeknik dengan aktiviti keagamaan dan nilai kesyukuran.
- Menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam setiap aspek kehidupan.



**Impak program kepada pelajar/staf:**

- Warga politeknik termasuk staf dan pelajar dapat menjadikan al-Quran sebagai satu budaya hidup yang dibaca setiap hari.
- Dapat menyambut sambutan 25 tahun politeknik dengan sederhana dan mempunyai nilai-nilai kerohanian.
- Dapat mendengar tazkirah dan peringatan tentang kehidupan selepas kematian.

# PENGAUDITAN PENGURUSAN SEWAAN PERALATAN SISTEM RANGKAIAN KAMPUS (SRK) POLITEKNIK MELAKA

10 April 2019 – Unit Audit Dalam (Pendidikan Tinggi) Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalankan Pengauditan Pengurusan Sewaan Peralatan Sistem Rangkaian Kampus bagi Politeknik Melaka. Sesi pengauditan telah dijalankan selama 3 hari bermula pada 8 April 2019 hingga 10 April 2019 . Pengauditan ini adalah bertujuan untuk memastikan semua prosedur serta spesifikasi di dalam tender sewaan peralatan sistem rangkaian kampus (SRK) dipatuhi mengikut terma perjanjian yang dipersetujui oleh pihak kerajaan dan syarikat yang telah dilantik iaitu Artinity Sdn Bhd.

Pasukan audit telah diketuai oleh Pn. Nat Mas Binti Mohamad bersama 3 orang Juruaudit iaitu En. Mohd Ariffin Bin Abd Aziz, En. Hazree Iruan Bin Aziz@ Ali dan juga Pn. Jagatheswari A/P Gunasekar. Skop pengauditan meliputi 5 skop utama iaitu kawalan perekodan, pematuhan penyenggaraan oleh pembekal, kawalan keselamatan fizikal peralatan, kehilangan dan hapis kira dan pemantauan terhadap sewaan peralatan rangkaian. Pihak pengurusan PMK yang diwakili oleh



Tn. Hj. Zahidi Bin Zamzuri dan juga pasukan Unit Teknologi Maklumat PMK sangat berbesar hati serta memberi kerjasama penuh semasa sesi pengauditan ini dilakukan. Ini juga sebagai langkah kawalan dan pemeriksaan peralatan sistem rangkaian yang disewa agar memenuhi terma spesifikasi dan juga perkhidmatan yang telah ditetapkan. Turut serta dalam sesi pengauditan adalah Pegawai dari JPPKK , Ts. Dr. Mohd Shahrizad Bin Elias, En. Ibrahim Bin Hussin serta wakil pihak syarikat yang dilantik iaitu En. Hisham Rizal Bin Abd Latif serta En. Muhammad Shafiq Bin Shah Budin.

Mesyuarat Pembukaan Audit dijalankan pada sebelah pagi 8 April 2019 dan mesyuarat penutupan audit pada 10 April 2019 bertempat di Bilik Persidangan PMK. Secara keseluruhan, sesi pengauditan telah berlangsung dengan baik dan lancar.





## LAWATAN PENGANTARABANGSAAN

### Green@ Bali

23-25 April, BALI - 6 orang pensyarah daripada Politeknik Melaka dan 4 daripada Politeknik Tun Syed Nasir, Pagoh telah bekerjasama dalam program 3 hari di Bali. Objektif utama program ini adalah untuk berkongsi 'Best practices' di kedua-dua Politeknik Malaysia ini serta mendapat ilmu pelaksanaan konsep Hijau di Politeknik Negeri Bali (PNB). Penglibatan PMK bersama PNB bermula pada Ogos 2018 apabila 4 orang pelajar dan seorang pensyarah dijemput untuk menghadiri program 10 hari 'Living in Harmony' di Bali, di mana pelajar didedahkan kepada Green Tourism, sustainability dan pengurusan sisa-sisa. Hasil perbincangan antara Pn Marina Abu Bakar, Pegawai Pengantarabangsaan (Pengurus projek) dan Pn. Mazlina Abdul Ghani , AJK PolyGreen (Penolong pengurus projek), maka diputuskan untuk mengadakan lawatan 3 hari ini untuk lebih mengenali Konsep Hijau di PNB, Green International School dan Green Village. Pihak PMK juga berkesempatan untuk membentang perlaksanaan PolyGreen di PMK dan PTSN manakala pihak PNB pula telah membentangkan penyelidikan 'Green Building' oleh pensyarah Kejuruteraan Awam dan 'Energy Conversion' oleh pensyarah Kejuruteraan Elektrik. Sesi pembentangan ini turut dihadiri oleh 60

orang pelajar PNB daripada Jabatan Kejuruteraan Awam dan Elektrik serta 9 orang pensyarah PNB. Pensyarah Bahasa Inggeris, Bapa Rajin juga turut memberi sokongan kepada produk inovasi PMK apabila beliau membuat pembelian 2 kotak 'What Say You'. Pada hari kedua, rombongan kami berpeluang untuk melawat Green International School ,Bali yang mengamalkan 80% konsep hijau dari aspek bangunan sekolah, pengurusan air, pemakanan, pembuangan sisa dan najis. Dengan pengamalan kurikulum bebas, tiada penilaian, dan kerjarumah, tetapi melalui projek based, mereka tetap berjaya menghasilkan pelajar dan graduan yang mahir dalam bidang yang diceburi serta kemasukkan pelajar ke universiti. Lawatan ke Green Village membuka mata kami terhadap konsep 'Living with nature' dimana pembinaan villas adalah secara terbuka untuk membolehkan 'natural ventilation'.



## Program Lawatan Kerja Best Practise & Sharing Knowledge in TVET Programme ke Politeknik Negeri Sriwijaya (Polsri)

Dalam rangka meningkatkan hubungan antarabangsa, Politeknik Melaka telah mengadakan program lawatan kerja Best Practise & Sharing Knowledge in TVET Programme ke Politeknik Negeri Sriwijaya (Polsri) pada 24 hingga 27 April 2019. Seramai 25 orang delegasi dari PMK yang diketuai oleh Pengarah PMK, En Charim bin Ibrahim @ Berahim telah terlibat dalam lawatan kerja tersebut. Menurut pengarah PMK, program ini merupakan satu kerjasama dan pengembelangan tenaga antara pensyarah Politeknik Malaysia untuk meningkatkan ketampakan TVET Malaysia diperingkat Asean. Pelbagai aktiviti perkongsian ilmu berkaitan TVET telah di Kongsi dalam lawatan kerja tersebut. Diharapkan jaringan kerjasama diantara Politeknik Melaka dan Politeknik Negeri Sriwijaya (Polsri) mencambahkan hasil yang positif dan meningkatkan imej Politeknik Melaka di bidang TVET.





## Anugerah Sukan Negeri

Melaka, 30 April - Mohamad Isah Abd Rahim, warga Politeknik Melaka berjaya merangkul anugerah pegawai terbaik 2017/2018 di Majlis Anugerah Sukan Negeri Melaka kali ke 37 2017/2018.

Beliau yang mula menyertai pasukan melaka pada 2014 sebagai Penolong Jurulatih pasukan futsal Melaka dan berjaya menjadi Naib Johan kejohanan jemputan antarabangsa felda tahun 2014 dan tempat ke 5 keseluruhan liga futsal kebangsaan 2014. Persatuan Bolasepak Melaka telah melantik beliau sebagai ketua jurulatih pasukan futsal Melaka pada 2016 sehingga kini.

Antara kejayaan yang di rangkul ialah Juara Liga Futsal Kebangsaan (LFK) 2017 & 2018 dengan rekod tanpa kalah. Beliau juga berjaya membimbangi pasukan Melaka mendapat tempat ke 3 Kejohanan AFF Futsal 2017. Beliau juga baru sahaja menerima Anugerah Jurulatih Futsal Terbaik kebangsaan 2018.



## MAJLIS BACAAN YASSIN DAN PROGRAM REWANG BUBUR LAMBUK SEMPENA MENYAMBATU RAMADHAN AL MUBARAK



30 April 2019 - Kelab kebajikan Staf Politeknik Melaka, telah menganjurkan Majlis Bacaan Yassin Dan Program Rewang Bubur Lambuk sempena menyambut Ramadhan Al Mubarak 1440 Hijrah. Program bertujuan meningkatkan barakah dalam bulan Ramadhan. Program ini telah diketuai oleh Encik Anuar Bin Ismail selaku pengurus kelab kebajikan dan di bantu oleh En Sazali bin Mohd Ramli dan Pn Zaihasra Binti Rukuman selaku penyelaras program. Bermula seawal 8:30 pagi, program dimulakan dengan bacaan Yassin bersama staf PMK dan diikuti aktiviti penyediaan bahan-bahan bubur lambuk dikalangan staf PMK dan pengagihan pakej bungkusian bubur lambuk dan kurma kepada staf Politeknik Melaka. Tukang masak yang dijemput pada program tersebut ialah Puan Hajah Kasmah binti Abu. Majlis ini juga turut dihadiri oleh Alumni PMK iaitu Tn Hj Abdul Aziz bin Abu Bakar, Tn Hi Samsuddin dan Puan Siti Rohani. Proses memasak pada hari tersebut dimulakan pada 9.00 pagi dan berakhir dengan pengagihan bubur lambuk pada 3.30 petang. Program seperti ini wajar dijalankan secara berterusan untuk tahun berikutnya sebagai usaha mengimarahkan bulan Ramadhan 1440 yang mulia ini. Akhirnya program ini berjaya mencapai objektif program untuk meningkatkan ukhwah dan hubungan dalam kalangan staf PMK.



# KARNIVAL SUKAN MSP 2019

## (Majlis Sukan Politeknik)

Ipoh, 3 Mei 2019 - Politeknik Melaka telah menghantar penyertaan ke Karnival Sukan Majlis Sukan Politeknik (MSP) 2019 yang diadakan di Politeknik Ungku Omar dan kemudahan sukan sekitar Ipoh bermula 29 April hingga 3 Mei 2019. Sebanyak 5 Jenis acara sukan yang dipertandingkan iaitu bolasepak, bola jaring, bola tampar, sepak takraw dan hoki. Kontinjen Politeknik Negeri Melaka telah berjaya meraih pingat gangsa bagi acara sukan bola jaring dan pasukan staf berjaya mendapat naib johan bagi acara bowling pegawai pasukan di Karnival Sukan MSP 2019.



## World #QuranHour

Program : World #QuranHour

Tarikh : 30 Mei 2019

Lokasi : Politeknik Melaka

Anjuran : Unit Perpustakaan PMK & Pusat Islam PMK

Politeknik Melaka seperti Intipati program ini adalah Semoga program anjuran tahun-tahun sebelumnya pembacaan al-Quran secara Unit Perpustakaan bersama telah menyertai Program beramai-ramai kemudian Pusat Islam PMK ini dapat World#QuranHour yang diikuti oleh penghuraian meningkatkan usaha telah diadakan pada 30 Mei maksud ayat-ayat yang mendekatkan Al-Quran di 2019 di Dewan Serbaguna disampaikan oleh Ustaz kalangan warga PMK PMK. Program kali ke empat Wan Mohd Tarmizi bin Wan terutamanya di bulan ini merupakan program yang Othman, pensyarah JPA. Ramadan yang penuh diadakan di seluruh negara Program yang dianjurkan bertujuan membentuk secara ringkas ini diadakan untuk menuntut dan mengajak masyarakat agar selama sejam bermula 11.30 #QuranHour amalan membaca Al-Quran hingga 12.30 tengah hari #MalaysiaMembaca diterapkan dan membentuk Pengarah PMK, En. Mohd Ariffin bin Aman serta akhlak yang mulia di dalam diri masyarakat. penglibatan staf PMK.





## ULANG TAHUN KE-20 PENUBUHAN POLITEKNIK MELAKA serta SAMBUTAN AIDILFITRI

MELAKA, 19 JUN 2019 – Bersempena dengan ulang tahun ke-20 penubuhan Politeknik Melaka serta sambutan aidilfitri, satu majlis telah diadakan serentak di perkarangan Politeknik Melaka pada 18 Jun 2019. Majlis yang bermula jam 9.00 pagi telah disambut dengan penuh meriah telah dihadiri dan dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Melaka, Charim bin Ibrahim @ Berahim. Majlis turut diserikan dengan kehadiran mantan-mantan pengarah serta para pegawai Politeknik Melaka yang pernah berkhidmat di sini. Lebih kurang 200 warga Politeknik Melaka telah hadir untuk meraikan majlis tersebut. Sejarah Politeknik Melaka yang kini menjangkau usia 20 tahun dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kota, Melaka (PKM). Kemudian pada 4 Jun 2010 Politeknik Kota Melaka secara rasminya telah bertukar nama kepada Politeknik Melaka (PMK).

Politeknik Melaka merupakan Politeknik ke-11 di tubuhkan pada 1 Januari 1999 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan politeknik pertama yang dibina di Negeri Melaka. Bangunan Politeknik Melaka (dahulunya dikenali sebagai politeknik Kota Melaka) merupakan bangunan rumah kedai telah dipilih untuk dijadikan politeknik kerana kedudukannya yang strategik berhampiran dengan pusat bandar serta bertepatan dengan konsep "Kampus Kota" yang kebetulan berada di dalam kawasan DUN Kota Melaka. Kini, bangunan Politeknik Melaka mempunyai 27 unit rumah kedai yang telah diubahsuai sepenuhnya, lengkap dengan

segala kemudahan asas yang diperlukan oleh sebuah institut pengajian tinggi. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang acara sambutan berlangsung. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah perhimpunan bulanan bagi mendengar amanat pengarah PMK serta bicara santai dari mantan-mantan pengarah, pertandingan khemah berhias tercantik dan pertandingan karaoke. Pelbagai juadah telah disediakan jabatan dan unit untuk menjamu para jemputan serta warga Politeknik Melaka.



# KURSUS KESELAMATAN *Kebakaran* *dan Pencegahan* *Kebakaran*

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (OSH), Politeknik Melaka dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Melaka telah mengadakan Kursus Keselamatan Kebakaran dan Pencegahan Kebakaran pada 19-20 Jun 2019 bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kubu, Melaka.

Peserta yang terlibat seramai 20 orang peserta yang terdiri dari pelbagai lapisan jawatan kakitangan Politeknik Melaka. Kursus yang dijalankan selama 2 hari merangkumi kaedah teori dan amali.

**Tarikh Program diadakan :**  
19-20 Jun 2019

**Lokasi program :**  
Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kubu Melaka

**Anjuran :**  
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (OSH) PMK

Pendedahan teori kepada peserta-peserta seperti :-  
-Sifat-sifat asas kebakaran  
-Definisi Bahaya Kebakaran  
-Asas mencegah kebakaran  
-Pengurusan Keselamatan Kebakaran  
-Pengenalan Asas Menyelamat  
-Alat Pemadam api  
-Pengungsi Bangunan  
Ujian teori

Manakala pendedahan amali kepada peserta-peserta seperti :-  
-Penggunaan Alat Pemadam Api  
-Pengenalan kepada teknik Pemadam  
-Kawad Hos Reel dan Kawad Hos  
-Sistem Perlindungan Pasif dan Aktif  
-Praktikal Pengungsian Bangunan  
-Simulasi Kebakaran

Kursus yang dijalankan ini telah berjaya dengan sempurna dan mencapai objektif.



# PHOTOSHOOT RAYA UPIM



DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS DARIPADA  
UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA  
POLITEKNIK MELAKA

## Sekilas Pandang

aktiviti  
Unit Pembangunan  
Instruksional dan  
Multimedia  
POLITEKNIK MELAKA

## PENGGAMBARAN PELAJAR CEMERLANG MASAI DAN KOTA TINGGI, JOHOR



## KURSUS VR & 360 KAMERA



# Jawatankuasa

## Media dan Penerbitan

Penasihat : EN. CHARIM BIN IBRAHIM @ BERAHIM (Pengarah)

Pengerusi : EN. MOHD ARIFFIN BIN AMAN

Timbalan Pengerusi : EN. HADI MOHD NASARUDDIN BIN ALI

Sidang Editor :  
PN. HAZIRA BINTI SALEH  
PN. HAIDAR NUR RIFHAN BINTI BASIR  
PN. HANIM BINTI ESA  
USTAZ NAZIM BIN ZAKARIA  
EN. HALIM BIN MAHAT  
PN. NURUL-FATEHA BINTI MD SANDOLLAH

Perekra : CIK NURHASYIMAH BINTI ABDULLAH

Jurufoto : EN. MOHD RIMEE BIN ISMAIL

Penyelaras Teknikal :  
PN. HAIDAR NUR RIFHAN BINTI BASIR  
PN. MASZLINA BINTI SAMSUDDIN  
EN. MOHD YUSRIN BIN SARIP

Penyedia Maklumat :  
SEMUA KETUA JABATAN & UNIT  
SEMUA AJK PORTAL LAMAN WEB PMK

Setiausaha :  
EN. NORRUSHIDI BIN KARIM  
PN. NORAIMAH @ DAYANG BINTI NURDIN

Diterbitkan Oleh :  
**JK MEDIA & PENERBITAN PMK**  
POLITEKNIK MELAKA  
NO 2, JALAN PPM 10, PLAZA PANDAN MALIM,  
75259 BALAI PANJANG, MELAKA.

Talian Am : 06 - 337 6000

Faksimili : 06 - 337 6007

Web : <http://www.polimelaka.edu.my>

# **BULETIN**

**POLITEKNIK MELAKA**

---

**2019**